

Headline	Cold Storage bantu ibu tunggal		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	218,251
Page No	52	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	169 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,167
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,501



Cold Storage bantu ibu tunggal

KUALA LUMPUR - GCH Retail (M) Sdn. Bhd. menerusi rangkaian pasar rayanya, Cold Storage, bekerjasama dengan Yayasan MyKasih dalam memperkenalkan inisiatif baharu yang bertujuan membantu ibu tunggal dan melindungi alam sekitar di Malaysia.

Menurut Pengurus Besar Cold Storage, Paul McShane, program yang dikenali sebagai *Hururkan tangan, tingkatkan kehidupan* itu memperlihatkan pasar raya berkenaan menjual beg beli-belah jut yang dihasilkan ibu-ibu tunggal yang menerima bantuan makanan MyKasih.

Katanya, menerusi program ini, sebanyak 85 peratus daripada hasil jualan beg jut itu akan disalurkan kepada ibu-ibu tunggal berkenaan dan selebihnya untuk menampung kos bahan.

"Kaedah ini sekali gus mampu meningkatkan kualiti kehidupan mereka," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

McShane berkata, pembelian beg jut itu merupakan satu cara yang mudah untuk membantu



PENGURUS Kanan Yayasan MyKasih, Shafinaz Suhaimi menunjukkan beg beli-belah jut yang dihasilkan ibu-ibu tunggal dalam program MyKasih di pasar raya Cold Storage, Mutiara Damansara, Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

golongan yang memerlukan dan pada masa yang sama melindungi alam sekitar setiap kali pelanggan menggunakannya untuk membeli-belah.

Sejak ditawarkan pada akhir Januari lalu, sambutan pelanggan terhadap inisiatif ini amat

mengalakkan dengan kira-kira 50 peratus daripada 500 buah beg telah terjual setakat ini.

Beg beli-belah itu boleh didapati secara eksklusif di kesemua 16 cawangan Cold Storage di Semenanjung Malaysia pada harga RM29.90 seunit.